



JABATAN PERHUBUNGAN KOMUNITI

MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

PERHUBUNGAN KOMUNITI

PENGENALAN

Jabatan Perhubungan Komuniti, Majlis Bandaraya Seberang Perai diwujudkan untuk melicinkan pentadbiran Majlis dari aspek:

- Mengurus dan menyelenggara kompleks sukan dan dewan di bawah pentadbiran MBSP termasuk kemudahan-kemudahan yang disediakan
- Bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, swasta dan lain-lain pertubuhan dalam penganjuran aktiviti sosial, sukan dan kebudayaan
- Mengendalikan Pengaduan Awam MBSP
- Menguruskan permohonan cenderamata dan penggunaan bilik mesyuarat
- Penerbitan Laporan Tahunan, dan risalah-risalah berkaitan dengan Majlis
- Mengendalikan majlis-majlis rasmi MBSP
- Mengendalikan Sistem Keratan Akhbar



PIAGAM

Memberi maklumbalas aduan dalam tempoh 5 hari berkerja

KEMUDAHAN KOMPLEKS SUKAN

MBSP menyediakan beberapa kemudahan sukan dan dewan kepada orang ramai seperti berikut:

1. Kompleks Sukan MBSP, Bertam
2. Kolam Renang Awam & Taman Tema, Kompleks Sukan Jalan Betek
3. Dewan Dato' Haji Ahmad Badawi

PENYELARASAN KEMUDAHAN MAJLIS

Jabatan bertindak sebagai penyelaras kepada permohonan yang dibuat lebih daripada satu [1] kemudahan majlis. Bagi permohonan kemudahan tunggal, urusan perlu dibuat dengan jabatan yang berkenaan.

- Tong sampah
- Pekerja pembersihan
- Tandas bergerak
- Kawalan penjaja
- Kawalan letak kenderaan
- Hiasan pasu bunga



PERMOHONAN DEWAN KOMUNITI

Majlis juga mempunyai dewan-dewan orang ramai yang diserahkan oleh pemaju-pemaju perumahan. Dewan-dewan ini akan diberi hak pengurusan selama dua (2) tahun iaitu 1 Januari tahun pertama hingga 31 Disember tahun kedua kepada Rukun Tetangga atau Persatuan Penduduk dan juga MPKK dengan mengenakan bayaran gantikan cukai tanah dan cagaran RM100.00.

Permohonan rasmi perlu dikemukakan kepada MBSP dan sertai dengan:

- Salinan Watikah Kerajaan Negeri (jika permohonan daripada MPKK) atau Sijil Pendaftaran Pertubuhan yang sah (jika permohonan daripada pertubuhan masyarakat sivil (CSO) termasuk persatuan/pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar atau surat perakuan dari Pejabat Perpaduan (jika permohonan daripada Rukun Tetangga), atau Sijil Pendaftaran dari Majlis Agama Islam Negeri (jika permohonan daripada badan pengurusan surau)
- Senarai ahli jawatankuasa organisasi yang terkini.
- Perancangan program/aktiviti tahunan untuk tempoh dua (2) tahun
- Sokongan ADUN Pakatan Harapan atau pegawai penyelaras bagi dewan orang ramai yang bukan KADUN Pakatan Harapan

KEMUDAHAN KOLAM RENANG KOMPLEKS SUKAN JALAN BETEK, SPT

Saiz Kolam Renang merupakan saiz olimpik bersama dengan gelanggang polo. Terdapat juga kolam latihan, bilik persalinan, bilik pengadil & jurulatih, pejabat & surau serta kafeteria.

KOLAM RENANG

SESI	KATEGORI	BAYARAN MASUK (RM) Setiap kemasukan
Sesi 1 (8.00 pagi – 1.00 tengah hari) Sesi 2 (4.00 petang – 9.00 malam)	Dewasa	3.00
	Warganegara asing	10.00
	Kanak-kanak (Umur 12 tahun dan ke bawah)	1.50
	Warga emas	PERCUMA
	OKU	PERCUMA


TAMAN TEMA AIR

SESI	KATEGORI	BAYARAN MASUK (RM)
Sesi 1 (9.00 pagi – 1.00 tengah hari)	Dewasa	3.00
	Warganegara asing	10.00
Sesi 2 (4.00 petang – 7.00 malam)	Warga emas	PERCUMA
	OKU	PERCUMA

KOMPLEKS SUKAN MPSP, BERTAM

KEMUDAHAN	KADAR BAYARAN	
	Biasa (RM)	Konsesi (RM)
1. Kaunter		
4 Jam	450.00	225.00
Harian (8 jam)	600.00	300.00
2. Badminton		
2 Jam	12.00	Tiada
Harian (8 jam)	Tiada	Tiada
3. Hoki		
2 Jam (Siang)	50.00	25.00
2 Jam (Malam @ 8.00pm-10.00pm)	500.00	300.00
4. Bola Sepak		
2 Jam	60.00	30.00
Harian	200.00	100.00
5. Boling Padang		
2 Jam @ 1 rink (Siang)	10.00	Tiada
2 Jam @ 1 rink (Malam)	15.00	Tiada
6. Trek Sintetik		
4 Jam	100.00	50.00
8 Jam (Harian)	250.00	125.00
7. Bilik Mesyuarat (Tingkat Atas)		
4 Jam	50.00	25.00
8 Jam (Harian)	100.00	50.00
8. Bilik Seminar (Tingkat Atas)		
4 Jam	100.00	50.00
8 Jam (Harian)	150.00	75.00
9. Bilik Urusetia		
Harian	60.00	30.00
10. Tennis		

KEMUDAHAN	KADAR BAYARAN	
	Biasa (RM)	Konsesi (RM)
2 jam	10.00	Tiada
11. Gimnasium		
2 Jam (1 Sesi)	2.00	Tiada



CARA TEMPAHAN KEMUDAHAN MAJLIS

BIL	KEMUDAHAN	CARA PERMOHONAN
1.	Kompleks Sukan dan Dewan	- Tempahan online www.mbsp.gov.my - Tempahan melalui email: onlinepkom@mbsp.gov.my - Kaunter Berpusat MBSP Bandar Perda, Bukit Mertajam (isi Borang) - Permohonan melalui surat - Pertanyaan di talian 04-5497488
2.	Kemudahan Majlis	- Tempahan melalui email: pkom@mbsp.gov.my - Permohonan melalui surat - Pertanyaan di talian 04-5497487
3.	Pengurusan Aduan MBSP	Aduan boleh disalurkan melalui saluran-saluran berikut:- MEDIA BARU: MyMBSP App, eADUAN & ASPIRE INTERNET: https://www.mbsp.gov.my EMEL: aduan@mbsp.gov.my

CARA TEMPAHAN KEMUDAHAN MAJLIS

BIL	KEMUDAHAN	CARA PERMOHONAN
-----	-----------	-----------------



- **TELEFON :**
MBSP Call Centre : 04-269 69 69
Waktu Operasi : 7.30 pagi – 5.30 petang
(Isnin - Jumaat Kecuali Hari Kelepasan Am)
Bebas Tol : 1-800-88-6777
Waktu Operasi : 24 jam

- **SURAT :**
Di alamatkan Kepada :
Bahagian Aduan MBSP
Majlis Bandaraya Seberang Perai
Menara Bandaraya
Jalan Perda Utama, Bandar Perda
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Nota Ringkas : Aduan perkhidmatan MBSP **TIDAK** lagi diterima di kaunter berpusat MBSP dan boleh disalurkan melalui maklumat yang tertera di atas.

4. Permohonan Dewan Komuniti

- Permohonan rasmi melalui surat
 - Pertanyaan di talian
04-5497488, 04-5497486
-

PANDUAN SEWAAN KEMUDAHAN MBSP

JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN			
BIL	KEMUDAHAN	KONSENSI (RM)	BIASA (RM)
PANDUAN SEWAAN KEMUDAHAN MBSP			
1.	Khidmat pengangkutan lori / hari	100.00	200.00
2.	Tong sampah ro-ro seunit	40.00	80.00
3.	Tong sampah beroda seunit	5.00	10.00
KEMUDAHAN SEWAAN TONG			
1.	Tong sampah RORO seunit/hari	60.00	120.00
2.	Caj tambahan trip pada hari yang sama	30.00	60.00
3.	Tong sampah MGB 240L seunit/hari	5.00	10.00
4.	Tong sampah MGB 660L seunit/hari	15.00	30.00
5.	Tong sampah Galvanize seunit/ hari	20.00	40.00
KEMUDAHAN JENTERA			
1.	Lori terbuka 1 tan / hari	100.00	200.00
2.	Lori terbuka 3 tan / hari	200.00	400.00
3.	<i>High pressure jetter / hari</i>	300.00	600.00
4.	Catch basin cleaner / hari	300.00	600.00
5.	<i>Roadsweeper / hari</i>	300.00	600.00
6.	<i>Backhoe / hari</i>	250.00	500.00
7.	<i>Grabber crane / hari</i>	250.00	500.00
KEMUDAHAN KHIDMAT PEMBERSIHAN			
1.	Pekerja pembersihan seorang / sehari	40.00	80.00
2.	Pekerja pemotongan rumput seorang/ sehari	80.00	160.00

1. Syarat-syarat bagi sewaan kemudahan yang disediakan oleh MBSP bagi program atau aktiviti rasmi dan tidak rasmi adalah seperti berikut :

- 1.1 Sewaan tong sampah ro-ro.

- i. Permohonan perlulah dibuat sekurangnya dua (2) hari waktu bekerja sebelum tarikh sewaan.
- ii. Sewaan tong ro-ro diberikan maksima 2 hari / 48 jam setiap unit.
- iii. Trip sewaan tong ro-ro hanya sekali. Sebarang tambahan trip mengikut kadar caj tambahan trip.
- iv. Penghantaran tong kepada penyewa hanya selepas jam 8 pagi. Trip kutipan tong ro-ro hanya akan dibuat sebelum jam 4 petang.
- v. Pembuangan sisa binaan adalah tidak dibenarkan.

- 1.2 Sewaan tong sampah MGB 240 / 660 dan galvanize.

- i. Permohonan perlulah dibuat sekurangnya dua (2) hari waktu bekerja sebelum tarikh sewaan.
- ii. Minima jumlah sewaan tong adalah empat (4) unit bagi tong sampah MGB 240 manakala satu (1) unit bagi tong sampah MGB 660 dan galvanize.
- iii. Pembuangan sisa binaan adalah tidak dibenarkan.

- 1.3 Sewaan jentera

- i. Permohonan perlulah dibuat sekurangnya dua (2) hari waktu bekerja sebelum tarikh sewaan.
- ii. Tempoh maksima perkhidmatan adalah enam (6) jam.



1.4 Khidmat pembersihan

- i. Permohonan perlulah dibuat sekurang-nya dua (2) hari waktu bekerja sebelum tarikh sewaan.
 - ii. Tempoh maksima perkhidmatan adalah lima (5) jam
 - iii. Minima jumlah pekerja adalah tiga (3) orang dalam satu-satu masa
 - iv. Hanya kerja-kerja pembersihan sampah terapung atau pembersihan sampah haram dan semak samun sahaja.
2. Kadar harga konsesi hanya diberi terus untuk program atau aktiviti yang dianjurkan oleh Agensi Kerajaan, Badan Berkanun, Institusi Keagamaan, Institusi Pengajian / Pendidikan Kerajaan, Ahli Parlimen dan ADUN.
 3. Program-program komersial yang dianjurkan oleh mana-mana pihak hendaklah dikenakan kadar harga biasa.
 4. Hanya program-program anjuran kerajaan sahaja diberikan pengecualian sewaan kemudahan dan adalah tertakluk kepada program MBSP dan SUK Negeri Pulau Pinang.
 5. Pengecualian bayaran atau pengurangan boleh diberi dengan kelulusan Datuk Bandar melalui permohonan secara rasmi.
 6. Segala kerosakan kemudahan yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Perbandaran adalah di bawah tanggungjawab penyewa / pengguna perkhidmatan. Penggantian semula barang-barang adalah berdasarkan harga semasa di pasaran.



JABATAN LANDSKAP				
	KEMUDAHAN		KONSENSI (RM)	BIASA (RM)
SEWAAN PASU BUNGA				
½ lot	50 hiasan pasu 4 besar & 46 kecil	Kesesuaian untuk pentas 10' panjang	100.00	200.00
1 lot	100 pasu hiasan 8 besar & 92 kecil	Kesesuaian untuk kanopi 20' x 20'	150.00	300.00
2 lot	200 pasu hiasan 12 besar & 190 kecil	Kesesuaian untuk pentas 40' panjang (cth DDHAB)	300.00	600.00
3 lot	300 pasu hiasan 12 besar & 288 kecil	Kesesuaian untuk pentas 60' panjang (Kompleks Sukan Bertam)	400.00	800.00
4 lot	400 pasu hiasan 14 besar & 386 kecil	Kesesuaian untuk pentas 80' panjang (cth Millenium)	500.00	1000.00
5 lot	500 pasu hiasan 16 besar & 484 kecil	Kesesuaian untuk pentas 100' panjang	600.00	1200.00



- * tambahan sebanyak 20% bagi tiap-tiap hari tambahan

Cth: tarikh sewaan 01.01.2020 – 03.01.2021 (3 hari)

RM 150 @ 1 lot (sehari) x 3 hari

RM 150 (hari pertama)

RM 30 (hari kedua)

RM 30 (hari ketiga)



RM 150 + RM 30 + RM 30 = RM 210

- Kerosakan pasu & pokok hiasan akan dikenakan caj seperti berikut:

a. Pasu saiz 12" ke bawah	RM 2.00 sepokok	RM 4.00 sepokok
b. Pasu saiz 12" ke 14"	RM 4.00 seunit	RM 8.00 sepokok
c. Pasu saiz 14" ke atas	RM 12.00 seunit	RM 16.00 sepokok
d. Pasu tempayan 15"	RM 30.00 seunit	RM 40.00 sepokok

*penyewaan kemudahan awam MBSP adalah tertakluk kepada kekosongan

JABATAN PENGURUSAN KRISIS

BIL	KEMUDAHAN	KONSENSI (RM)	BIASA (RM)
KEMUDAHAN SEWAAN TONG			
1.	Tandas bergerak seunit	400.00	800.00
2.	Perkhidmatan lori tangki air	200.00	400.00
3.	Perkhidmatan pengangkutan lori	100.00	200.00
4.	Tenaga kerja / orang / hari	20.00	40.00

